

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL  
(KUALA KEDAH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik terakhir kutipan GST mengikut sektor (barangan pengguna, hartanah, perkhidmatan dll). Mohon diberikan jumlah dan pecahan pengagihan kembali wang GST itu.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bagi pecahan kutipan GST mengikut sektor utama bagi tempoh 9 bulan iaitu bermula 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015, sektor peruncitan dan pemborongan mencatat peratusan kutipan hasil GST tertinggi, iaitu sebanyak RM6.826 bilion (25.3%), diikuti dengan sektor pembuatan sebanyak RM4.701 bilion

(17.4%), sektor pembinaan sebanyak RM2.816 bilion (10.4%), sektor kewangan dan insuran / takaful sebanyak RM1.597 bilion (5.9%), sektor komunikasi dan maklumat sebanyak RM1.551 bilion (5.7%), sektor profesional, saintifik dan teknikal sebanyak RM1.503 bilion (5.6%), sektor pentadbiran dan perkhidmatan sokongan sebanyak RM1.217 bilion (4.5%), sektor hartanah sebanyak RM1.105 bilion (4.1%), dan sektor penginapan dan penyediaan makanan sebanyak RM1.055 bilion (3.9%).

Semua hasil cukai GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama-sama dengan cukai langsung dan cukai tidak langsung selainnya yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Seterusnya kutipan cukai tersebut dikembalikan sebagai agihan peruntukan bagi tujuan pembangunan negara seperti menambah baik sektor pendidikan, kesihatan, pembangunan dan penambahbaikan infakstruktur untuk manfaat rakyat serta mengikut keperluan projek untuk pembangunan di sesebuah negeri.